

02 NOV, 2025

Implikasi perjanjian Anwar-Trump

Sinar Harian, Malaysia



Implikasi perjanjian Anwar-Trump



ASAM
PEDAS
A KADIR JASIN

Peristiwa Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menari di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 26 Oktober lalu sudah menjadi berita dunia.

Cukuplah kita mensensasikannya. Yang patut kita utamakan ialah faedah dan kerugian, kebaikan serta kemudahan perjanjian perdagangan ditandatangani pada 26 Oktober lalu – Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara Malaysia dan AS.

Seperti saya sebut dan janjikan pada 29 Oktober, saya akan cuba ulas pada masa dan di tempat sesuai setelah membaca serta mendengar pandangan pelbagai pihak.

Sejak itu banyak pihak, rasmi dan awam dari dalam serta luar negara telah membuat pelbagai ulasan dan analisis. Contohnya, Misi Amerika bagi ASEAN menyifatkan perjanjian tersebut amat bersejarah – Malaysia bersetuju membuka pasaran kepada barang-barang buatan AS dengan lebih luas.

Ia menambah, Malaysia akan menghapus atau mengurangkan tarif ke atas hampir semua eksport AS dan memberi keutamaan tanpa diskriminasi terhadap hasil pertanian dan perindustrian AS.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz pula mendakwa, Malaysia mendapat syarat perdagangan lebih baik termasuk pengecualian daripada tarif 19 peratus ke atas 1,711 jalur tarif (*tariff lines*).

Tetapi apabila diperincikan, apa yang didakwa Tengku Zafrul itu tidaklah seperti diuar-uarkan. Kelonggaran yang beliau dakwa itu hanya merangkumi 12 peratus eksport Malaysia ke AS.

Pengecualian *tariff lines* yang diuar-uarkan itu meliputi eksport biasa seperti minyak kelapa sawit, barangan getah, koko, komponen kapal terbang dan ubat-ubatan yang dianggarkan bernilai AS\$5.2 bilion (kira-kira RM21.84 bilion).

Jumlah itu kecil sahaja jika dibandingkan eksport kita ke AS yang dianggarkan AS\$52.5 bilion (RM220.5 bilion) tahun lalu. Menurut sumber dalam talian, jumlah perdagangan Malaysia-AS pada 2024 dianggarkan AS\$80.1 bilion (RM336.42 bilion). Malaysia mengeksport AS\$52.5 bilion (RM220.5 bilion) dan mengimport AS\$27.6 bilion (RM115.92 bilion).

Ertinya, Malaysia menikmati lebihan dagangan AS\$24.9 bilion (RM104.58 bilion). Lebihan inilah yang hendak dikurangkan atau dihapuskan oleh AS. Tengku Zafrul dilaporkan berkata, eksport penting Malaysia seperti semikonduktor dan ubat-ubatan turut diberikan pelepasan.



Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara Malaysia dan AS yang ditandatangani pada 26 Oktober lalu.

Yang menjadi persoalan dan menimbulkan kebimbangan ialah syarat-syarat yang mengandungi unsur paksaan serta ancaman terhadap kita. Bukan sahaja kita dikehendaki membeli lebih banyak barang keluaran AS dan melabur dengannya, kita juga disyaratkan menyokong tindakan perdagangan AS ke atas negara ketiga.

Komitmen kepada AS

Sehari dua lalu pegawai-pegawai Malaysia, dengan diketuai oleh Anwar dan disokong oleh Tengku Zafrul menjelaskan komitmen kita kepada AS bernilai lebih AS\$240 bilion atau kira-kira RM1 trilion. Itu belum masuk AS\$70 bilion (RM294 bilion) pelaburan.

Lebih membimbangkan, tindakan kerajaan menyeret syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ke dalam perjanjian tersebut.

Sejak GLIC dan GLC, asalnya dikenali agensi amanah Bumiputera mula ditubuhkan pada awal 1970-an sebagai instrumen Dasar Ekonomi Baru (DEB), banyak usaha serta tekanan dari dalam dan luar negara telah dibuat supaya dibubarkan atau dibuka kepada umum.

Kerajaan demi kerajaan dan Perdana Menteri demi Perdana Menteri menangkisnya. Tetapi dengan perjanjian Anwar-Trump, AS berjaya masuk campur dalam urusan perniagaan mereka.

Bukan itu sahaja, barangan apa dan banyak mana GLIC serta GLC wajib beli pun tercatat dalam perjanjian. Misalnya, Lampiran IV perjanjian itu menyatakan bahawa Malaysia Aviation Group, syarikat induk Malaysia Airlines akan membeli 30 pesawat Boeing, dengan opsiyen membeli 30 buah lagi.

Sebelum ini, Malaysia Airlines membeli kapal terbang Boeing dari AS mengikut keperluan bukan kerana perjanjian

“

Yang menjadi persoalan dan menimbulkan kebimbangan ialah syarat-syarat yang mengandungi unsur paksaan serta ancaman terhadap kita.”

kerajaan dengan kerajaan. Sekarang ia bukan lagi urusan pasaran tetapi lebih berupa prasyarat ditetapkan AS.

Komitmen lain ialah pembelian lima juta tan gas asli cecair (LNG) bernilai AS\$3.4 bilion (RM14.28 bilion) setahun oleh Petronas, arang batu bernilai AS\$42.6 juta (RM178.9 juta) oleh Tenaga Nasional dan AS\$119 juta (RM500 juta) peralatan telekomunikasi oleh Tekekom Malaysia.

Kemudian, syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia disyaratkan membeli AS\$150 bilion (RM630 bilion) semikonduktor, komponen aeroangkasa dan peralatan pusat data dalam jangka masa lima tahun.

Bila kita kata kerajaan putar belit, ramai orang marah tetapi sebelum ini, kerajaan sendiri kata, keputusan pembaharuan armada Malaysia Airlines berdasarkan pertimbangan komersial dan keperluan operasi jangka panjang. Kerajaan kata, ia tiada kena mengena dengan pengurangan tarif timbal balik.

Anwar, Tengku Zafrul dan kerajaan boleh membuat pelbagai alasan bagi mempertahankan perjanjian tersebut tetapi ia sudah terpahat dan sukar berundur balik. Kalau kita mungkir, AS boleh kenakan tindakan punitif.

Kita hanya perlu melayari laman web

rasmi AS dan saluran maklumat umum untuk mengetahui bagaimana kita sudah diikat oleh perjanjian tersebut.

Hatta dalam bidang penyiaran pun kita ikut kehendak AS. Dalam Perkara 2.20 perjanjian Anwar-Trump itu, disyaratkan Malaysia ‘shall’ (wajib) membatalkan syarat perjanjian lesen penyiaran yang memperuntukkan 80 peratus waktu di udara kepada program tempatan dan Malaysia wajib membenarkan penyiaran program asing pada waktu puncak.

Nada bahasanya pula mirip perintah. Malaysia wajib buat itu dan ini, tidak boleh buat itu dan ini. Kalau setelah dibahasakan, dikaji dan dianalisis, didapati perjanjian itu tidak menguntungkan kita, apatah lagi merugikan. Kerajaan wajib mencari jalan memperbaiki atau menamatkannya.

Apatah lagi apabila di AS sendiri, tarif Trump itu mendapat tentangan kuat. Pada Jumaat, Dewan Senat AS mengundi membatalkan tarif dikenakan ke atas lebih 100 negara di dunia itu.

Lagipun, perjanjian tersebut memberi hak kepada kedua-dua pihak membatalkannya. Perkara 7.5 mengenai pembatalan berkata, mana-mana satu pihak boleh membatalkan perjanjian ini melalui pemakluman bertulis kepada pihak satu lagi. Pembatalan wajib berkuat kuasa 180 hari selepas tarikh pemakluman.

Kesimpulannya, perjanjian Anwar-Trump mungkin yang paling dipertikaikan (*contentious*) dan berpotensi mempengaruhi aspek kedaulatan negara serta kemampuan Malaysia untuk bertindak dengan bebas, bukan sahaja dalam bidang perdagangan tetapi ekonomi dan diplomasi.

* Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Negeri